

JaPen menitikberatkan teknologi

MEMPUNYAI pengalaman luas dalam mengendalikan penataan audio sejak Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) ditubuhkan pada tahun 1910, unit sokongan teknikal jabatan itu merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang menawarkan perkhidmatan audio kepada program-program kerajaan.

Menurut **Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Roselindawati Abdul Rahman**, unit sokongsn teknikal jabatan itu mempunyai kepakaran hebat dalam

mengendalikan sistem audio berkualiti sekali gus menyebabkan pasukan itu mendapat kepercayaan menjayakan program kemerdekaan setiap tahun.

Katanya, walaupun unit berkenaan kini dilapisi golongan muda, namun mereka sentiasa ringan tulang untuk mempelajari daripada kakitangan senior dalam mengendalikan peralatan.

“Setiap pekerja di unit sokongan



ROSELINDAWATI

teknikal mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing yang mana mereka sentiasa mempunyai sikap ingin belajar dan tidak lokek berkongsi ilmu.

“Jabatan ini merupakan agensi kerajaan yang menawarkan perkhidmatan seumpama justeru peralatan yang disediakan juga mengikut perkembangan

teknologi,” ujarnya.

Tambahnya lagi, agensi

tersebut sangat menitikberatkan kecanggihan peralatan audio agar tidak jauh ketinggalan daripada trend teknologi masa kini.

“Peralatan yang digunakan pada sambutan Hari Kebangsaan 2019 baru-baru ini juga menggunakan peralatan canggih dan baharu yang mana kualitinya lebih jelas dan mantap,” katanya,

Ujarnya, walaupun sistem audio dipelopori oleh JaPen, namun ia mendapat kerjasama baik daripada media tempatan.